



---

**KENYATAAN MEDIA**

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA SURUHANJAYA PERSAINGAN  
MALAYSIA, MAKTAB KOPERASI MALAYSIA DAN LIMA INSTITUSI PENGAJIAN  
TINGGI**

**KUALA LUMPUR, 4 Disember 2015** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) serta lima Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan Taylor's University telah menandatangani enam Memorandum Persefahaman (MoU) pada Jumaat lepas.

Termeterainya MoU ini secara rasminya menyatakan hasrat MyCC, MKM serta IPT bagi menggalakkan dan membangunkan bidang pendidikan dan penyelidikan serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan undang-undang persaingan. Ini bertujuan untuk memantapkan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 bagi memastikan pembangunan ekonomi negara yang mampan melalui proses persaingan sihat dalam pasaran dan seterusnya dapat melindungi kepentingan pengguna.

MoU ini menjelaskan usaha sama dan kerjasama antara MyCC, MKM serta IPT untuk bekerjasama dalam program-program advokasi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta Persaingan 2010. Tujuan utama MoU ini adalah untuk melibatkan kerjasama semua pihak dalam mengenalkan dan menambahbaik subjek atau modul persaingan di kalangan Institusi Pengajian Tinggi tempatan, di samping melahirkan lebih ramai pakar penyelidik dalam bidang persaingan di Malaysia.

MoU yang telah ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pengerusi MyCC bersama wakil-wakil dari MKM serta IPT yang terlibat disaksikan oleh YBhg Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan Hassan, Tel +603 2273 2277 (samb 111), Emel: [izan@mycc.gov.my](mailto:izan@mycc.gov.my)

Wan Nurhafizah, Tel +603 2273 2277 (samb 230), Emel: [nurhafizah@mycc.gov.my](mailto:nurhafizah@mycc.gov.my)

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

### **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).